

40
NO. SOALAN : 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP

[SEKIJANG]

TARIKH : 22 MAC 2018 (KHAMIS)

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perubahan yang akan dibawa menerusi Transformasi FELDA 2.0 dan bagaimanakah perkara ini mampu membawa faedah kepada semua peneroka FELDA.

41

JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Aspirasi Pelan Transformasi Rancangan: FELDA 2.0 lahir sebagai kesinambungan hala tuju FELDA dalam membangun dan memperkasa generasi baharu setelah FELDA mencapai matlamat penubuhan 50 tahun pertama iaitu membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang ekonomi bandar dan luar bandar seperti yang digagaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. FELDA 2.0 memberikan nafas baharu kepada rancangan FELDA sedia ada bagi mewujudkan ekonomi baru dan infrastruktur yang moden supaya dapat menarik golongan muda untuk tinggal di rancangan melalui gaya hidup setanding kawasan bandar. Objektif utama transformasi FELDA 2.0 ini adalah untuk melahirkan komuniti FELDA yang pintar dan lestari.

Dengan tema 'Terbuka dan Terhubung', FELDA Lurah Bilut telah dipilih sebagai perintis kepada Program FELDA 2.0 ini dan pelaksanaannya sedang giat dijalankan di mana ia telah memasuki fasa ke-2 setelah dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 4 Februari 2018 yang lalu. Mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 368 pada 26 September 2017 telah meluluskan program ini dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Pelaksanaan program ini telah mendapat reaksi positif daripada banyak pihak bukan hanya penduduk tempatan tetapi juga warga FELDA seluruh negara selain mendapat perhatian daripada banyak agensi awam dan swasta untuk melaksanakan kerjasama strategik menerusi program ini. Sehingga tempoh pelancaran, FELDA telah menandatangani

Memorandum Persefahaman (MoU) dan Surat Niat daripada empat belas (14) agensi dan syarikat yang disebut sebagai Rakan Muafakat FELDA 2.0 dengan nilai pelaburan dianggarkan RM8.8 juta.

Pelaksanaan Fasa 1 inisiatif ini melibatkan lima (5) rancangan pada tahun 2018 dengan peruntukan secara *matching grant* daripada kerajaan sebanyak RM50 juta atau RM10 juta bagi setiap rancangan. Pelaksanaan FELDA 2.0 akan memberikan impak berikut kepada warga FELDA:

- a) Menjana sumber kewangan kepada rancangan melalui inisiatif *solar farm* dengan kuota *feed-in-tariff* (FIT) sebanyak 5 Megawatt (MW) bagi setiap rancangan yang boleh memberi pulangan pendapatan sebanyak RM2 juta setahun. Pendapatan ini boleh digunakan untuk membiayai program-program pembangunan komuniti setempat.
- b) Mengekalkan sekurang-kurangnya 30% generasi baharu di rancangan.
- c) Menyediakan peluang ekonomi baru kepada warga FELDA dalam sektor seperti keusahawanan digital, agro-pelancongan, sukan, teknologi hijau dan pertanian.
- d) Menjadikan infrastruktur rancangan sedia ada lebih moden, selesa dan mesra generasi muda.
- e) Menjadikan rancangan lebih terbuka dan terhubung dengan masyarakat luar.

Sekian, terima kasih.